

29 JUL 2002

POWELL TIBA UNTUK LAWATAN SINGKAT

SUBANG, 29 Julai (Bernama) -- Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS) Colin Powell tiba di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini, malam ini untuk lawatan singkat ke negara ini.

Ketibaannya disambut oleh Timbalan Menteri Luar Datuk Leo Micheal Toyad. Turut hadir ialah Duta AS ke Malaysia Marie T. Huhtala.

Powell, yang menaiki pesawat khas dari Bangkok, Thailand, adalah dalam rangka misi diplomatik ke negara-negara Asean dan Asia.

Beliau dijangka menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pagi esok sebelum berlepas ke Singapura.

Selepas itu, Powell dijadual mengadakan lawatan singkat ke Brunei, Indonesia dan Filipina.

Powell memulakan misi lawatannya ke Asia pada 27 Julai dengan melawat Pakistan dan diikuti India semalam.

-- BERNAMA

NM SNS AO NAK